

Dr M: Malaysia boleh dijadikan pusat cari untung di Asia

DATO SERI Dr. Mahathir Mohamad telah menawarkan yang Malaysia boleh dijadikan "pusat mencari untung di Asia" bagi pelabur, sebagai pertukaran untuk penyertaan ekuitinya dalam perniagaan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu satu seminar pelaburan di sini bahawa Malaysia berbangga dengan sikap pragmatiknya dan menyedari bahawa ahli-ahli perniagaan tidak menanam modal untuk tujuan amal.

Katanya, ahli-ahli perniagaan melabur untuk mencari untung. Mereka adalah 'dialu-alukan' untuk mendapat keuntungan ini tetapi kerajaan berharap mereka juga turut bersikap pragmatik.

Katanya kerajaan berharap men-

BIRMINGHAM, Rabu (Bernama)

dapatkan sesuatu dari pelaburan ahli-ahli perniagaan itu.

Beliau berkata pendirian Malaysia mengenai pelaburan asing bukanlah sesuatu yang baru dan ahli-ahli perniagaan yang cekap seharusnya bersedia membuat pembayaran sekiranya pulangannya menguntungkan.

Pendirian kita

Dato Seri Dr. Mahathir memberi jaminan kepada para peserta seminar bahawa dasar dan garis panduan untuk penyertaan ekuiti dalam pelaburan di Malaysia bukanlah satu peraturan yang mengikat ketat.

Oleh itu, ia tidak akan menjejaskan kejayaan dan keuntungan usahanya yang dijalankan.

Katanya harga yang terpaksa dibayar oleh ahli-ahli perniagaan di Malaysia adalah jelas, iaitu sepadan dan sejajar dengan amalan perniagaan yang biasa.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata sejauh mana ekuiti Malaysia dan asing yang disyaratkan kepada manamana projek persendirian akan bergantung kepada merit sesuatu kes persendirian itu.

"Saya perlu menekankan bahawa terdapat kelonggaran pada garis panduan kami dan perlaksanaannya.

"Dalam menimbangkan sesunan ekuiti dalam sesuatu projek, beberapa faktor adalah dipertimbangkan.

"Antara faktor-faktor penting ialah besarnya sesuatu projek, pada proses dan peringkat teknologinya, penempatannya, faedah yang didapati oleh negara menerusi kesan sampingan, sejauh mana kegiatan eksport, peringkat integrasi dengan perusahaan yang sedia ada, kesan penggalakan dan betapa kukuhnya perusahaan itu dalam negara.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, beberapa buah syarikat perniagaan telah menyatakan kebimbangan walaupun pada peringkat awal mereka diberikan syarat ekuiti yang memberi faedah kepada mereka, kerajaan mungkin selepas beberapa tahun, cuba mengubah keadaan ekuiti yang menguntungkan Malaysia.

"Ini tidak pernah berlaku dan tidak akan berlaku di Malaysia," tegasnya.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, bagi mengatasi beberapa aduan yang diterima dari para pelabur berhubung dengan keambatan meluluskan permohonan kakitangan asing yang diperlukan oleh sektor perkilangan, kerajaan sekarang mengadakan apa yang dipanggil "konsep tawaran beramal-ramal".

Dalam konsep tawaran beramal-ramal itu, para pekilang boleh memohon mendapatkan kakitangan asing berserta dengan permohonan pengtulusan projek.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, permohonan sekarang dihantar kepada FIDA yang kemudian akan membuat syor-syor sewajarnya